



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

KARNIVAL STEM LAHAD DATU 2025

LAHAD DATU, 9 Mei 2025 – Planetarium Negara dengan kerjasama Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sin Wah dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Karnival STEM Lahad Datu 2025 bermula pada 5 hingga 9 Mei 2025 bertempat di SJKC Sin Wah, Lahad Datu.

Karnival yang telah bermula sejak 5 Mei 2025 ini dan telah menarik minat dan kehadiran lebih 1000 pelajar dan orang awam dari seluruh daerah Lahad Datu. Pelbagai pengisian aktiviti menarik daripada pempamer seperti Pameran Interaktif, Info Matahari, Aktiviti *Hands – on*, Aktiviti Pencerapan Matahari, Bengkel Guru serta ceramah kerjaya yang merangkumi teras utama dan nilai Malaysia MADANI iaitu Daya Cipta dan Kemampanan.

Majlis Perasmian Penutup karnival ini turut dimeriahkan dengan kehadiran YB Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Planetarium Negara sentiasa komited dalam meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) serta Astronomi dan Sains Angkasa melalui pelbagai aktiviti pembelajaran sains bukan formal.

Hal ini penting bagi memastikan negara dapat menguasai bidang STEM bagi menjamin pembangunan yang menyeluruh dan lestari. Secara tidak langsung usaha ini juga mendukung Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (DSTIN) 2021-2030 yang menekankan penguasaan ilmu Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE).

Karnival seperti ini amat penting untuk meningkatkan inspirasi dan minat terhadap bidang STEM kepada generasi akan datang dan perlu disebarluaskan di seluruh Malaysia pada masa akan datang untuk memastikan para pelajar dapat menjadi saintis muda yang akan menjadi merupakan tonggak harapan Negara.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
9 MEI 2025

